

BAB 4

DATA DAN ANALISIS

4.1 Pendahuluan

Kajian tentang Pemahaman dan Sambutan Masyarakat Terhadap Skim Takaful ini telah dijalankan dalam bentuk soal selidik ke atas 100 orang responden yang dipilih mengikut kategori pekerjaan tertentu secara rawak. Usaha mengumpulkan data tersebut memakan masa hampir empat bulan iaitu bermula pada bulan Ogos 2003 hingga November 2003.

Dalam bab ini dikemukakan keputusan-keputusan kajian tersebut yang merangkumi taburan responden, jawapan soalan kajian dan kesimpulan kajian.

4.2 Taburan responden

Dalam kajian ini, taburan responden adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut :

Jadual 4.1 : Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pembolehubah latarbelakang

Pembolehubah		Kekerapan (%)
Jantina	Lelaki Perempuan	45 orang (45 %) 55 orang (55 %)
Umur	20 – 30 36 – 45 46 – 55 56 ke atas	50 orang (50 %) 23 orang (23 %) 19 orang (19 %) 8 orang (8 %)
Status	Bujang Berkahwin	26 (26 %) 74 (74 %)
Sektor Pekerjaan	Kerajaan Pertanian Perniagaan Perkilangan	25 orang (25 %) 25 orang (25 %) 25 orang (25 %) 25 orang (25 %)
Pendapatan	Kurang dari RM 1000 1001 – 2000 2001 – 3000 3001 – 4000 4000 – 5000 lebih dari 5000	63 orang (63 %) 22 orang (22 %) 10 orang (10 %) 2 orang (2 %) 1 orang (1 %) 2 orang (2 %)
Tanggungan	Kebanyakan peserta mempunyai bilangan tanggungan yang sederhana ramai iaitu sekitar 4, 5 dan 6 orang sahaja.	

Jadual 3.1 menunjukkan latarbelakang responden yang dipilih di dalam kajian ini. Maklumat tersebut menunjukkan bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki iaitu 55 orang (55%) berbanding 45 orang (45%) responden lelaki. Begitu pun, bilangan tersebut dipilih sama rata dari 4 sektor pekerjaan iaitu kerajaan, pertanian, perniagaan dan perkilangan. 50 orang

(50 %) dari responden berumur dalam lingkungan 20 ke 35 tahun, 23 orang (23 %) dari responden berumur 36 ke 45 tahun, 19 orang (19 %) dari responden berumur dalam lingkungan 46 ke 55 tahun dan 8 orang (8 %) dari responden berumur 55 tahun ke atas.

Maklumat di atas juga menunjukkan seramai 63 orang (63 %) responden berpendapatan kurang dari RM 1000 sebulan. 22 orang (22 %) berpendapatan RM 1001 – 2000, 10 orang (10 %) berpendapatan RM 2001 – 3000, 2 orang (2 %) responden berpendapatan RM 3001 – 4000, hanya seorang berpendapatan RM 4001 – 5000 dan 2 orang (2 %) lagi berpendapatan lebih dari RM 5000.

4.3 ANALISIS DATA

Jawapan soalan kajian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :

- 4.3.1 Tahap kefahaman masyarakat terhadap skim Takaful
- 4.3.2 Hubungan di antara kefahaman terhadap skim takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.
- 4.3.3 Tahap sambutan masyarakat terhadap skim takaful.
- 4.3.4 Hubungan di antara sambutan masyarakat terhadap skim takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.
- 4.3.5 Hubungan di antara pemahaman dan sambutan masyarakat terhadap skim takaful.

4.3.1 Jawapan soalan kajian 1: Tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful

Tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful dinilai melalui beberapa perkara yang berkait rapat dengan takaful seperti konsep takaful, *tabarru'*, pelaksanaan skim takaful dan *al-mudārabah*. Maklumat tersebut diperolehi dari 20 soalan yang dikemukakan di bahagian B dalam soal selidik yang diberikan kepada responden. Dapatkan kajian tentang tahap kefahaman mereka dirumuskan kepada tiga tahap yang telah ditentukan seperti berikut :

Jadual 4.2 : Tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful

Tahap kefahaman	Skor markah	Bilangan (%)
Rendah	Kurang dari 50 %	-
Sederhana	50 % – 74 %	60 orang (60 %)
Tinggi	75 % – 100%	40 orang (40 %)

Jadual 4.2 di atas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden dikategorikan mengikut markah yang mereka perolehi dari 20 soalan kaji selidik yang dikemukakan. Maklum balas yang diperolehi menunjukkan bahawa 40 % dari responden mempunyai kefahaman yang tinggi tentang skim takaful manakala 60 % lagi berkefahaman sederhana tentang takaful. Tiada responden yang berada di tahap kefahaman yang rendah. Dapatkan ini membuktikan bahawa kefahaman masyarakat terhadap takaful adalah di peringkat yang sederhana. Ini kerana peratusan responden yang berkefahaman sederhana adalah lebih tinggi berbanding peratusan responden yang berkefahaman tinggi.

4.3.1.1 Perincian tentang kefahaman masyarakat terhadap takaful

Kefahaman masyarakat terhadap skim takaful dinilai melalui persoalan-persoalan berkaitan perkara asas yang berkait rapat dengan takaful seperti konsep takaful, aplikasi *tabarru'* dan *al-mudārabah* dalam takaful serta produk takaful yang ditawarkan. Hasil kajian tersebut dapat dilihat secara terperinci di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.3 : Kefahaman masyarakat terhadap konsep takaful

BIL	ITEM	Ya	Tidak Pasti	Tidak	Jumlah
S 1	Takaful satu sistem insurans Islam	91	8	1	100
S 2	Takaful alternatif kepada insurans Konvensional	56	39	9	100
S 3	Perbezaan ciri takaful dan insurans konvensional	19	43	38	100
S 4	Prinsip takaful – tiada judi, riba dan samar	81	16	3	100
S 5	Takaful berdasarkan bantu membantu	73	27	–	100
S 6	Keperluan kepada perlindungan takaful	81	13	6	100

Jadual 4.3 menunjukkan hasil jawapan responden kepada soalan 1 hingga 6 dalam soal selidik yang dikemukakan untuk menguji kefahaman masyarakat tentang konsep takaful. Maklumat di atas S1 menunjukkan seramai 91 orang responden bersetuju bahawa takaful adalah satu insurans Islam. Hanya seorang (1 %) yang menafikan takaful sebagai sebuah insurans Islam. Manakala seramai 8 orang (8%) tidak pasti kebenaran persoalan tersebut. (S 2) 56 orang responden (56 %) bersetuju bahawa takaful sebagai satu alternatif kepada insurans konvensional. 5 orang (5 %) responden tidak bersetuju manakala 39 orang (39%) tidak pasti jawapannya. (S 3) menunjukkan hanya 19 orang (19 %)

memahami terdapat perbezaan ciri di antara takaful dan insurans konvensional dari segi konsep dan praktikal. 38 orang (38%) mengatakan tidak terdapat perbezaan pada ciri tersebut. Dan 43 orang (43 %) lagi tidak pasti kebenaran pernyataan tersebut. (S 4) menyatakan seramai 81 orang (81 %) responden mengakui tidak terdapat unsur judi, riba dan samar (*gharar*) dalam skim takaful. 3 orang responden (3 %) menolak kenyataan tersebut. Manakala 16 orang (16 %) responden tidak pasti jawapannya. (S 5) menunjukkan seramai 73 orang (73 %) responden menyatakan bahawa takaful berasaskan amalan bantu membantu berbanding 27 orang (27 %) responden yang tidak pasti tentang kenyataan tersebut. (S 6) 81 orang (81%) responden memahami keperluan takaful sebagai tempat berlindung ketika ditimpa musibah, manakala 6 orang (6 %) menafikannya. 13 orang (13%) responden pula tidak pasti sejauhmana kebenarannya.

Hasil kajian mendapati jawapan positif responden mencatatkan peratusan yang tinggi (melebihi 70 %) adalah berkaitan dengan perkara berikut :

- i) Takaful adalah sistem insurans Islam.
- ii) Tidak terdapat unsur judi, riba dan samar(*gharar*) dalam sistem takaful.
- iii) Takaful berasaskan kepada amalan bantu membantu.
- iv) Keperluan takaful sebagai tempat berlindung ketika ditimpa musibah.

Ini menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap beberapa asas takaful adalah betul walaupun dalam beberapa perkara seperti perbezaan ciri yang terdapat di antara takaful dan konvensional hanya 19 % responden sahaja yang memahaminya.

4.3.1.2 Kefahaman masyarakat terhadap konsep *tabarru'* dalam takaful

Kajian tentang kefahaman masyarakat terhadap konsep *tabarru'* dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.4 : Kefahaman masyarakat terhadap konsep *tabarru'*

BIL	ITEM	Ya	Tidak Pasti	Tidak	Jumlah
S 7	Konsep <i>Tabarru'</i>	52	48	-	100
S 8	Pemilik wang <i>tabarru'</i>	20	62	17	100
S 9	Beza wang <i>tabarru'</i> dan derma ikhlas	38	58	4	100
S10	Peranan <i>tabarru'</i> dalam operasi takaful	28	68	4	100

Jadual 4.4 menunjukkan hasil jawapan responden berdasarkan soal selidik yang dikemukakan bagi menguji kefahaman masyarakat terhadap *tabarru'* yang menjadi asas dalam sistem takaful. Maklumat di atas (S 7) menunjukkan 52 orang (52 %) responden faham konsep *tabarru'*, manakala 48 orang (48%) lagi tidak memahaminya. (S 8) Hanya 20 % responden mengatakan bahawa wang *tabarru'* adalah milik syarikat takaful berbanding 62 % yang tidak pasti dan 17 % yang menafikannya. (S 9) menunjukkan hanya 38 % responden yang peka dengan perbezaan antara *tabarru'* dengan derma ikhlas. 4 % menafikan perbezaan di antara keduanya, manakala 58 % lagi tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. (S 10) menunjukkan 68 % responden tidak mengetahui peranan *tabarru'* dalam operasi sistem takaful. Hanya 28 % yang faham fungsi *tabarru'* dalam takaful, manakala 4 % responden mempunyai kefahaman yang salah tentangnya.

Hasil kajian mendapati kefahaman responden terhadap konsep *tabarru'* adalah di tahap yang sederhana. Ini dapat dilihat apabila 52 % responden faham konsep tersebut. Begitupun peratus kefahaman mereka terhadap perincian berkaitan tabarru' adalah di tahap yang rendah. Ini kerana peratus yang dicatatkan untuk jawapan betul bagi ketiga-tiga S 8, S 9 dan S 10 adalah kurang dari 30 %. Dapatan ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa responden faham tentang perkara utama berkaitan skim takaful. Sebagai contohnya 91 % responden bersetuju skim takaful sebagai sistem insurans Islam, cumanya mereka masih tidak faham dengan terperinci dan lebih lanjut tentang takaful.

4.3.1.3 Kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan skim takaful

Kajian terhadap kefahaman masyarakat tentang pelaksanaan skim takaful dapat dilihat dalam jadual berikut :

Jadual 4.5 : Kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan takaful

BIL	ITEM	Ya	Tidak Pasti	Tidak	Jumlah
S 11	Pembahagian Akaun Takaful	25	73	2	100
S 12	Pembayaran manfaat	27	70	3	100
S 13	Tuntutan manfaat	48	47	5	100
S 14	Kos gantirugi	66	33	1	100

Jadual 4.5 menunjukkan hasil jawapan responden berdasarkan soal selidik yang dikemukakan bagi menguji kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan skim takaful. Maklumat (S 11) dan (S 12) menunjukkan maklum balas yang

hampir sama bagi kedua-dua persoalan yang ditimbulkan. Lebih dari 70 % responden tidak pasti tentang pembahagian akaun takaful dan bagaimana pembayaran manfaat dibuat. (S 13) pula memperlihatkan seramai 48 orang (48 %) faham bahawa tuntutan manfaat adalah terbatas mengikut pelan yang disertai, manakala selebihnya tidak faham. (S 14) Bilangan yang faham tentang kos gantirugi pula meningkat iaitu sebanyak 66 % berbanding 44 % yang tidak faham.

Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan skim takaful masih di tahap yang rendah. Ini jelas dibuktikan oleh hasil soal selidik bagi S 11, S 12 dan S 13 di mana peratusan yang dicatatkan tidak mencapai 50 % bagi jawapan yang betul.

4.3.1.4 Kefahaman masyarakat terhadap *al-Mudārabah*

Kajian terhadap kefahaman masyarakat terhadap *al-Mudārabah* dapat dilihat dalam jadual berikut :

Jadual 4.6 : Kefahaman masyarakat terhadap *al-Mudārabah*

BIL	ITEM	Ya	Tidak Pasti	Tidak	Jumlah
S 15	Perkongsian untung dalam takaful berasaskan prinsip <i>al – Mudārabah</i>	61	37	2	100
S 16	Dasar pembahagian untung dalam <i>al-Mudārabah</i>	52	42	6	100
S 17	Nisbah pembahagian untung dalam <i>al-Mudārabah</i>	36	59	5	100

Jadual 4.6 menunjukkan hasil kajian melalui kaji selidik yang dikemukakan bagi menguji kefahaman masyarakat terhadap prinsip *al-Mudārabah* yang diaplikasikan dalam sistem takaful. Maklumat di atas (S 15) menunjukkan 61 % responden mengakui bahawa perkongsian untung dalam takaful adalah berdasarkan kepada prinsip *al-Mudārabah*, 2 menafikannya, manakala 37 lagi tidak pasti tentang perkara tersebut. (S 16) 52 % responden faham dasar pembahagian keuntungan dalam *al-Mudārabah* manakala selebihnya tidak faham. (S 17) pula menunjukkan hanya 36 % responden yang tahu nisbah pembahagian keuntungan dalam *al-Mudārabah* manakala 64 % lagi adalah sebaliknya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap *al-Mudārabah* adalah di tahap yang sederhana. Ini kerana peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan positif berkaitan *al-mudārabah* pada S15 dan S 16 adalah melebihi 50 % walaupun pada S 17 hanya 36 % yang menjawab dengan betul.

4.3.1.5 Kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan produk takaful

Kajian tentang kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan produk skim takaful dapat dilihat dalam jadual berikut :

Jadual 4.7 : Kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan produk takaful

BIL	ITEM	Ya	Tidak Pasti	Tidak	Jumlah
S 18	Produk takaful boleh disertai oleh semua lapisan masyarakat	72	21	7	100

"Jadual 4.7, sambungan"

S 19	Pengeluaran wang sekiranya tidak berlaku musibah	42	45	13	100
S 20	Sumbangan peserta dalam akaun tabarru' tidak menjadi miliknya	24	64	12	100

Jadual 4.7 menunjukkan hasil jawapan responden terhadap kaji selidik yang dikemukakan bagi menguji kefahaman masyarakat terhadap pelaksanaan produk takaful. Maklumat (S 18) menunjukkan 72 % responden bersetuju bahawa produk takaful boleh disertai oleh semua lapisan masyarakat, 7 % tidak bersetuju dan 21 % tidak pasti. (S 19) 42 % responden faham bahawa wang boleh dikeluarkan sekiranya tidak berlaku sebarang bentuk musibah. 45 % tidak pasti manakala 13 % lagi salah faham tentang perkara tersebut. (S 20) menunjukkan bahawa 24 % responden sahaja yang faham bahawa sumbangan peserta dalam akaun tabarru' tidak akan menjadi miliknya lagi. 12 % mengatakan wang tersebut menjadi milik peserta manakala 64 % tidak dapat membuat keputusan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa masih terdapat responden yang tidak tahu bahawa produk takaful boleh disertai oleh semua lapisan masyarakat seperti yang ditunjukkan pada S 18. Begitu juga terdapat ramai responden yang tidak memahami bagaimana skim takaful beroperasi. Perkara ini dapat dilihat pada S 19 apabila 58 % responden tidak jelas tentang kedudukan wang caruman mereka sekiranya tidak berlaku sebarang musibah. Di samping itu ia turut dibuktikan oleh dapatan pada S 20 di mana 76 % responden tidak faham bahawa sumbangan peserta dalam akaun *tabarru'* tidak akan menjadi miliknya lagi sebaliknya tabung tersebut adalah milik sesama peserta secara kolektif.

4.3.2 Jawapan soalan kajian 2 : Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.

4.3.2.1 Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan jantina.

Tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful berdasarkan pembolehubah jantina dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.8 : Tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful berdasarkan jantina

Jantina	Tahap kefahaman		Jumlah
	Sederhana (%)	Tinggi (%)	
Lelaki	29 orang (64 %)	16 orang (36 %)	45 orang (100 %)
Perempuan	31 orang (56 %)	14 orang (44 %)	55 orang (100%)
Jumlah	60 orang (60%)	40 orang (40 %)	100 orang (100%)

Jadual di atas menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap skim takaful mengikut pembolehubah jantina. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa lebih ramai responden perempuan mempunyai kefahaman yang tinggi iaitu sebanyak 44 % berbanding responden lelaki sebanyak 36 %. Bagi melihat hubungan di antara dua pembolehubah ini, satu ujian statistik infrensi telah dijalankan.¹ Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di berikut :

Jadual 4.9 : Ujian Hubungan kefahaman terhadap takaful dengan jantina

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	3.36	3.84	1	H a ditolak

¹ Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, c.3. Bangi : UKM, h.118.

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan jantina. Nilai kha kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 1 ialah 3.84. Oleh kerana nilai kha kuasa dua kira (3.36) lebih kecil dari nilai kritikal iaitu 3.84 maka hipotesis alternatif (H_a) ditolak.¹ Ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan di antara tahap kefahaman dengan jantina.

4.3.2.2 Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan pekerjaan.

Kajian tentang hubungan di antara tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan pekerjaan dapat dilihat di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.10 : Hubungan tahap kefahaman masyarakat dengan pekerjaan

Sektor Pekerjaan	Tahap kefahaman		Jumlah
	Sederhana (%)	Tinggi (%)	
Kerajaan	10 orang (40 %)	15 orang (60 %)	25 orang (100 %)
Pertanian	19 orang (76 %)	6 orang (24 %)	25 orang (100%)
Perniagaan	15 orang (60 %)	10 orang (40 %)	25 orang (100%)
Perkilangan	16 orang (64 %)	9 orang (36 %)	25 orang (100 %)
Jumlah	60 orang	40 orang	100 orang (100%)

Jadual menunjukkan hubungan di antara tahap kefahaman masyarakat terhadap skim takaful dengan pekerjaan. Hasil kajian melalui soal selidik yang

¹ Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, c.3. Bangi : UKM, h.124.

dijalankan menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan mencatatkan peratusan terbanyak bagi tahap kefahaman yang tinggi iaitu sebanyak 60 %. Peratusan ini dilihat agak baik berbanding dengan sektor-sektor lain yang mana peratusannya tidak melebihi 40 % bagi responden yang berkefahaman tinggi. Sebagai contohnya sektor pertanian dan perkilangan masing-masing hanya mencatatkan 24 % dan 36 % bagi kategori kefahaman tersebut. Bagi melihat hubungan di antara dua pembolehubah ini, satu ujian statistik infrensi telah dijalankan. Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.11 : Ujian Hubungan kefahaman terhadap takaful dengan pekerjaan

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	6.98	7.81	3	H a ditolak

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan pekerjaan. Nilai khi kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 3 ialah 7.81.¹ Oleh kerana nilai khi kuasa dua kira (6.98) lebih kecil dari nilai kritikal iaitu 7.81 maka hipotesis alternatif (Ha) ditolak. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan di antara tahap kefahaman dengan pekerjaan.

¹Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, c.3. Bangi : UKM, h.124.

4.3.2.3 Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan pendapatan

Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap takaful dengan pendapatan dapat dilihat di dalam jadual di berikut :

Jadual 4.12 : Hubungan kefahaman terhadap takaful dengan pendapatan

Pendapatan	Tahap kefahaman		Jumlah
	Sederhana (%)	Tinggi (%)	
Kurang dari 1000	38 orang (60 %)	25 orang (40 %)	63 orang (100 %)
RM 1001 - 2000	12 orang (55 %)	10 orang (45 %)	22 orang (100%)
RM 2001 - 3000	7 orang (70 %)	3 orang (30 %)	10 orang (100 %)
RM 3001 - 4000	2 orang (100 %)	-	2 orang (100%)
RM 4001 - 5001	-	1 orang (100 %)	1 orang (100 %)
Lebih dari RM 5000	-	2 orang (100 %)	2 orang (100%)
Jumlah	60 orang	40 orang	100 orang (100%)

Jadual menunjukkan taburan tahap kefahaman responden berdasarkan latarbelakang pendapatan. Maklumat di atas menunjukkan lebih dari 55 % responden dari semua kategori pendapatan berkefahaman sederhana tentang skim takaful. Manakala bagi yang berkefahaman tinggi pula setiap kategori pendapatan hanya mencatatkan peratusan tidak lebih dari 45 %. Bagi melihat adakah wujud hubungan di antara dua pembolehubah ini satu ujian statistik

infrensi telah dijalankan. Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.13 : Ujian Hubungan kefahaman terhadap takaful dengan pendapatan

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	5.84	11.07	5	H a ditolak


Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan pendapatan. Nilai khi kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 5 ialah 11.07. Oleh kerana nilai khi kuasa dua kira (5.84) lebih kecil dari nilai kritikal iaitu 11.07 maka hipotesis alternatif (Ha) ditolak.¹ Ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan di antara tahap kefahaman dengan pendapatan.

4.3.3 Jawapan soalan kajian 3 : Sambutan Masyarakat terhadap Skim Takaful

Kajian tentang sambutan masyarakat terhadap skim takaful dapat dilihat di dalam carta bar di bawah.

¹ Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, c.3. Bangi : UKM, h.124.

Rajah 4.1 : Carta bar sambutan masyarakat terhadap takaful :



Carta bar di atas menunjukkan bahawa 33 orang (33 %) responden menerima takaful berbanding 63 orang (63 %) yang tidak menerimanya. Dapatan ini membuktikan bahawa sambutan masyarakat terhadap skim ini masih di tahap yang rendah di mana peratusan bagi responden yang menyertai skim ini tidak mencapai 50 % dari jumlah responden. Berikut adalah perincian mengenai kajian yang telah dibuat mengenai sambutan masyarakat terhadap takaful.

4.3.3.1 Golongan yang menyertai takaful

Hasil soal selidik yang dijalankan, didapati 33 orang (33 %) sahaja dari kalangan respondan yang menyertai takaful. Mereka ini mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap takaful yang mereka sertai. Perkara tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.14: Hasil soal selidik terhadap responden yang menyertai takaful

BIL	ITEM	JAWAPAN	KEKE-RAPAN	TOTAL
1	Pernah menyertai insurans konvensional sebelum takaful	Ya	18	33
		Tidak	15	
2	Jika ya, kenapa sertai insurans konvensional	Tiada pengetahuan tentang insurans Islam.	7	18
		Arahan majikan	4	
		Lain-lain	7	
3	Sebab menyertai takaful	Perlindungan diri	18	33
		Tabungan masa depan	14	
		Lain-lain	1	
4	Pendorong sertai takaful	Ejen syarikat takaful	16	33
		Majikan, kawan-kawan dan keluarga	11	
		Lain-lain	6	
5	Sumber maklumat takaful	Promosi syarikat takaful	21	33
		Melalui institusi kewangan	10	
		Lain-lain	2	
6	Skim pilihan	Takaful Am	12	33
		Pelan Pendidikan	5	
		Pelan Kesihatan	10	
		Pelan Jariah	1	
		Lain-lain	5	
7	Premium bulanan	Kurang dari RM 50	20	33
		RM 51 - 100	10	
		RM 101 - 150	2	
		RM 151 - 200	1	
8	Puas hati dengan pembahagian akaun takaful	Ya	28	33
		Tidak	5	
9	Masih mencarum	Ya	30	33
		Tidak	3	

"Jadual 4.14, sambungan"

10	Sebab tidak terus mencarum	Pendapatan tidak stabil	1	3
		tidak yakin pengurusan	2	
		Lain-lain	-	
11	Perbezaan di antara takaful dengan insurans konvensional	Ya	21	33
		Tidak	2	
		Tidak pasti	10	

Jadual di atas adalah hasil kajian yang dibuat terhadap responden yang menyertai takaful. Maklumat tersebut menunjukkan bahawa terdapat 33 orang responden yang menyertai takaful, 18 orang (54 %) pernah menyertai insurans konvensional sebelum ini. 7 orang (39 %) dari golongan ini pernah menyertai insurans konvensional kerana tiada pengetahuan tentang insurans Islam. Begitu juga 7 orang (39 %) memberikan sebab-sebab lain seperti tiada agensi takaful di kawasan berhampiran dan lebih mudah berurus dengan syarikat insurans konvensional kerana kadar caruman yang lebih rendah berbanding takaful. Manakala 4 orang (22 %) berbuat demikian kerana akur dengan arahan majikan. (Bil.3) menunjukkan 19 orang responden (57 %) menyertai takaful kerana ingin mendapatkan perlindungan diri. Manakala selebihnya 14 orang (43 %) menyertai takaful untuk membina tabungan masa depan. Maklumat pada (bil. 4) menunjukkan 16 orang iaitu 48 % penyertaan dalam takaful adalah didorong oleh ejen syarikat takaful. Di samping itu, 11 orang (33 %) didorong oleh majikan, kawan-kawan dan keluarga. Manakala selebihnya mengatakan dorongan diri sendiri pada bahagian lain-lain.

(Bil. 5) pula menunjukkan kebanyakan responden mendapat maklumat tentang takaful dari promosi syarikat takaful iaitu sebanyak 21 orang (64 %), 10 orang (30 %) dari institusi kewangan, manakala 2 orang (6 %) memperolehinya

dari sumber lain seperti kawan-kawan dan keluarga. Seterusnya (bil.6 dan 7) menunjukkan bahawa antara skim yang menjadi pilihan ramai ialah Takaful Am dan Pelan Kesihatan dengan premium bulanan kurang dari RM 100. Rata-rata responden yang ditemui berpuas hati dengan pembahagian akaun takaful mereka. Hanya 5 orang (15 %) yang mengatakan tidak seperti yang dapat dilihat pada (bil. 8). (Bil.9 dan 10) pula memperlihatkan bahawa majoriti mereka masih meneruskan caruman takaful. Adapun 3 orang yang tidak terus mencarum memberikan alasan pendapatan yang tidak stabil dan tidak yakin adakah pengurusan takaful dapat menjamin pulangan manfaat kepada mereka. Sebagai kesimpulan kepada persoalan yang telah dikemukakan 21 orang responden (64 %) telah menyatakan bahawa terdapat perbezaan di antara insurans konvensional dengan takaful.

4.3.3.2 Golongan yang tidak menyertai takaful

Berdasarkan soal selidik yang dilaksanakan, hasil kajian mendapati seramai 67 orang responden tidak menyertai takaful. Berikut adalah maklum balas mereka terhadap beberapa persoalan yang dikemukakan.

Jadual 4.15 : Hasil soal selidik terhadap responden yang tidak menyertai takaful

BIL	ITEM	JAWAPAN	KEKERAPAN	JUMLAH
1	Menyertai insurans konvensional	Ya	22	67
		Tidak	45	
2	Sebab sertai insurans konvensional	Tiada pengetahuan	3	22
		Lebih awal promosi	18	
		Arahan dari majikan	1	
3	Sebab tidak sertai mana-mana syarikat insurans	Wang simpanan banyak	4	45
		Pendapatan tidak stabil	28	
		Lain- lain	13	
4	Pernah dikunjungi ejen takaful	Ya	18	67
		Tidak	49	
5	Penerangan ejen takaful	Meyakinkan	12	18
		agak meragukan	3	
		tidak meyakinkan	3	
6	Hasrat sertai takaful selepas ini.	Ya	25	67
		Tidak	42	

Jadual di atas adalah hasil soal selidik yang dijalankan ke atas responden yang tidak menyertai takaful. Walaupun mereka tidak menyertai takaful, ini

tidaklah bererti kesemua 67 orang responden ini menyertai insurans konvensional. Maklumat (Bil-1) menunjukkan hanya 22 orang (33 %) sahaja yang menyertai insurans konvensional manakala 45 orang (67 %) lagi tidak menyertai mana-mana syarikat insurans. 18 orang (82 %) daripada mereka yang menyertai insurans konvensional mengatakan bahawa sebab penyertaan mereka dalam syarikat tersebut adalah kerana syarikat tersebut lebih awal mempromosikan produk mereka berbanding syarikat takaful. Selain itu 3 orang (14 %) memberikan alasan tiada pengetahuan tentang insurans Islam ketika menyertai insurans konvensional. Manakala seorang (4 %) menyertainya kerana akur dengan arahan majikan.

Bagi mereka yang tidak menyertai mana-mana syarikat insurans pula, 4 orang (9 %) memberi alasan bahawa mereka mempunyai wang simpanan yang banyak untuk menghadapi segala kemungkinan. 28 orang (62 %) mengatakan pendapatan yang tidak stabil menghalang mereka dari menyertai mana-mana syarikat insurans, manakala 13 orang (29 %) memberikan lain-lain sebab seperti tidak berminat dengan insurans dan tidak mahu terikat dengan mana-mana syarikat insurans. Seterusnya seperti yang ditunjukkan pada (bil.4) daripada keseluruhan 67 orang responden yang tidak menyertai takaful, hanya 18 orang (27 %) pernah dikunjungi ejen takaful, manakala selebihnya 49 orang (73 %) tidak pernah dikunjungi ejen takaful. Kebanyakan mereka yang pernah dikunjungi ejen takaful memberikan komen yang positif terhadap penerangan yang diberikan. Begitu pun ada juga segelintir yang ragu bahkan tidak yakin langsung dengan penerangan yang diberikan ejen takaful seperti yang ditunjukkan pada (bil.5).

Apa pun, apabila ditanya tentang hasrat untuk menyertai takaful selepas ini pada (bil.6), hanya 25 orang (37 %) sahaja yang mengatakan ya, manakala 42 orang (63 %) lagi menafikan terus untuk berlindung di bawah insurans Islam.

4.3.4 Jawapan soalan kajian 4 : Hubungan sambutan masyarakat terhadap takaful dengan jantina, pekerjaan dan pendapatan.

4.3.4.1 Hubungan sambutan masyarakat terhadap takaful dengan jantina.

Tahap sambutan masyarakat terhadap skim takaful berdasarkan pembolehubah jantina dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.16 : Sambutan masyarakat terhadap takaful berdasarkan jantina

Jantina	Menyertai Takaful	Tidak Menyertai Takaful	Jumlah
Lelaki	15 (33%)	30 (67 %)	45
Perempuan	18 (33 %)	37 (67 %)	55
Jumlah	33	67	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa peratus responden lelaki dan perempuan yang menyertai takaful adalah sama banyak iaitu 33 % manakala yang tidak menyertainya sebanyak 67 %. Dapatkan ini telah memberikan gambaran awal bahawa perbezaan jantina tidak mempengaruhi sambutan terhadap skim takaful. . Bagi membuktikan adakah wujud hubungan di antara dua pembolehubah ini satu ujian statistik infrensi telah dijalankan. Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.17 : Ujian Hubungan sambutan terhadap takaful dengan jantina

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	0.004	3.84	1	H a ditolak

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan pendapat. Nilai khi kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 1 ialah 3.84. Oleh kerana nilai khi kuasa dua kira (0.004) adalah lebih kecil dari nilai kritikal iaitu 3.84, maka hipotesis alternatif (Ha) ditolak. Oleh itu, keputusan ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan di antara sambutan terhadap skim takaful dengan jantina.

4.3.4.2 Hubungan sambutan masyarakat terhadap takaful dengan pekerjaan.

Kajian tentang hubungan di antara sambutan masyarakat terhadap takaful dengan pekerjaan dapat dilihat di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.18 : Sambutan masyarakat terhadap takaful berdasarkan pekerjaan

Sektor Pekerjaan	Terima takaful	Tolak takaful	Jumlah
Kerajaan	13 orang (52 %)	12 orang (48 %)	25 orang (100 %)
Pertanian	6 orang (24 %)	19 orang (76 %)	25 orang (100%)
Perniagaan	9 orang (36 %)	16 orang (64 %)	25 orang (100%)
Perkilangan	5 orang (20 %)	20 orang (80 %)	25 orang (100 %)
Jumlah	33 orang	67 orang	100 orang (100%)

Jadual di atas menunjukkan sambutan masyarakat terhadap skim takaful berdasarkan sektor pekerjaan. 52 % responden dari sektor kerajaan

Jadual 4.20 : Sambutan terhadap takaful berdasarkan latar belakang pendapatan

Pendapatan	Terima takaful	Tolak takaful	Jumlah
Kurang dari 1000	17 orang (27 %)	46 orang (73 %)	63 orang (100 %)
RM 1001 - 2000	10 orang (45 %)	12 orang (55 %)	22 orang (100%)
RM 2001 - 3000	5 orang (50 %)	5 orang (50 %)	10 orang (100 %)
RM 3001 - 4000	1 orang (50 %)	1 orang (50 %)	2 orang (100%)
RM 4001 - 5001	-	1 orang (100 %)	1 orang (100 %)
Lebih dari RM 5000	-	2 orang (100 %)	2 orang (100%)
Jumlah	33 orang	67 orang	100 orang (100%)

Jadual menunjukkan taburan sambutan masyarakat terhadap takaful berdasarkan latarbelakang pendapatan. Secara umumnya, dapatan tersebut memperlihatkan bahawa peratus penerimaan terhadap takaful semakin bertambah dari kategori pendapatan yang rendah kepada ketegori pendapatan yang lebih tinggi. Sebagai contohnya penyertaan sebanyak 27 % pada kategori pendapatan kurang dari RM 1000 meningkat kepada 45 % dan 50 % pada kategori pendapatan 1000 – 2000 dan 2001 ke 3000. Begitu pun peratusan tersebut jatuh terus pada kategori pendapatan yang berikutnya. Ini berikutan dari bilangan responden yang terlalu kecil bagi kategori tersebut. Oleh itu, bagi melihat adakah wujud hubungan di antara dua pembolehubah ini satu ujian statistik infrensii telah dijalankan. Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.21 : Ujian Hubungan sambutan terhadap takaful dengan pendapatan

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	5.59	11.07	5	H a ditolak

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan pendapatan. Nilai khi kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 5 ialah 11.07. Oleh kerana nilai khi kuasa dua kira (5.59) lebih kecil dari nilai kritikal iaitu 11.07 maka hipotesis alternatif (Ha) ditolak. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan di antara sambutan terhadap takaful dengan pendapatan.

4.3.5 Jawapan soalan kajian 5 : Hubungan di antara kefahaman dan sambutan masyarakat terhadap skim takaful.

Kajian tentang hubungan di antara kefahaman dan sambutan masyarakat dapat dilihat di dalam jadual berikut :

Jadual 4.22 : Hubungan kefahaman dengan sambutan terhadap takaful

Tahap kefahaman	Terima takaful	Tolak takaful	Jumlah
Tinggi	19 (57 %)	21 (31 %)	40
Sederhana	14 (43 %)	46 (69 %)	60
Jumlah	33 (100%)	67 (100%)	100

Jadual di atas menunjukkan penerimaan responden terhadap takaful berdasarkan tahap kefahaman mereka tentangnya. Hasil soal selidik yang dikemukakan menunjukkan bahawa 57 % dari responden yang menerima takaful adalah berkefahaman tinggi, manakala 43 % lagi adalah dari kalangan yang berkefahaman sederhana. Bagi yang tidak menyertai takaful pula, 31 % darinya berkefahaman tinggi manakala selebihnya 69 % berkefahaman sederhana. Data ini menunjukkan bahawa bukan semua responden yang menyertai takaful mempunyai kefahaman yang tinggi tentangnya. Bagi melihat adakah wujud hubungan di antara dua pembolehubah ini satu ujian statistik infrensi telah dijalankan. Keputusan kajian tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah :

Jadual 4.23 : Ujian Hubungan kefahaman dengan sambutan terhadap takaful

Ujian	Nilai Khi Kuasa Dua	Nilai Khi Kuasa Dua Kritikal	Darjah Kebebasan	Keputusan
Khi Kuasa Dua	6.31	3.84	1	H a diterima

Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian yang dijalankan terhadap hubungan di antara kefahaman dengan sambutan terhadap takaful. Nilai khi kuasa dua kritikal di paras signifikan 0.05 untuk darjah kebebasan 1 ialah 3.84. Oleh kerana nilai khi kuasa dua kira (6.31) adalah lebih besar dari nilai kritikal iaitu 3.84 maka hipotesis alternatif (Ha) diterima. Justeru itu dapatan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara kefahaman terhadap takaful dengan sambutan terhadapnya. Seterusnya bagi menilai kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah ini formula pekali kontigensi akan digunakan seperti berikut :

$$\frac{6.31}{100 + 6.31} = 0.15$$

Berdasarkan ujian di atas, nilai pekali kontigensi yang diperolehi ialah 0.15. Nilai tersebut menunjukkan bahawa pertalian di antara dua pembelahan adalah lemah.¹ Oleh itu, dapatlah dirumuskan di sini bahawa pertalian antara kefahaman dan sambutan terhadap takaful, walaupun signifikan tetapi agak lemah. Keseluruhannya ujian ini membuktikan bahawa memang terdapat hubungan di antara kefahaman dengan sambutan terhadap skim takaful, cumanya hubungan tersebut tidak begitu kuat. Ini bererti kefahaman semata-mata tidaklah menjamin sambutan terhadap takaful.

¹ Alias Baba (1999), *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, c.3. Bangi : UKM, h.127.